

B.H. - 6 SEP 1974
DR. MAHATHIR MO-

hamad, bekas ahli Jawatankuasa Kerja Tertinggi UMNO Malaysia menerima tawaran berdallog dengan Kesatuan Pekerja2 Pengangkutan MARA Wilayah Utara bila2 masa sahaja yang sesuai nanti.

Dr. Mahathir memberitahu Berita Haruan hari ini: "Saya telah di-beritahu ketika saya di-luar negeri tempoh hari, pihak kesatuan itu menyatakan keinginan-nya berdallog dengan saya kerana tuduhan2 yang saya buat di-Seminar Pemuda UMNO di-Morib tempoh hari.

"Saya juga ingin bertemu dengan mereka untuk membincangkan tegoran2 yang saya telah buat.

"Boleh jadi saya salah anggapan atau kurang pengalaman.

"Saya ingin tahu dengan lebih jelas pandangan dari sudut pekerja2 MARA itu."

Tak berasas

Pengerusi Kesatuan itu, Enche Osman bin Tamby, dalam kenyataan yang di-siarkan pertengahan bulan lalu menyebutkan bahawa tuduhan Dr. Mahathir tidak berasas sama-sa-kali.

Kesatuan itu merasa hampa terhadap tuduhan tersebut, kata-nya.

Kata Enche Osman, Kesatuan-nya belum pernah mengambil apa2 langkah dan tindakan terhadap majikan sejak ia di-bentuk.

Beliau mahu Dr. Mahathir menjelaskan butir2 yang lebih lanjut terhadap tuduhan-nya dalam majlis dallog itu nanti.

"Kalau tidak, kami berharap Dr. Mahathir dapat menarek balek tuduhan-nya itu, kata Enche Osman.

Dr. Mahathir dalam kerias kerja-nya mengemasi kesan kejenteraan dan otisuzasi ka-atas penganggoran m a h u disiplin di-amalkan di-kalangan pekerja2 Melayu di-tiap2 golongan pekerjaan.

Menurut-nya, perkara seperti itu selalu berlaku di-kalangan pekerja2 pengangkutan seperti sharikat kenderaan MARA.

Kata Dr. Mahathir, MARA telah banyak memberi peluang pekerjaan kepada ra'ayat, terutama belia dan bekas perajurit, tetapi sa-balek-nya pekerja2 yang tidak berdisiplin mudah di-resapkan dengan hasutan2 oleh pihak2 tertentu bagi kepentingan mereka.

Dr. Mahathir berkata, "Pernah berlaku pemimpin2 kesatuan sekerja menghasut dan chuba memechahbelahkan pekerja2 di-sharikat kenderaan MARA, terutama memnta gaji lebih dan bekerja mengikut masa."